

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

**Seorang** ulama yang terkemuka di semenanjung ini, dikatakan setelah memberi petuanya kepada suatu pertanyaan di dalam majalah pejabatnya menyatakan jawapan pertanyaan yang diberi oleh sebuah majalah lain yang jadi punca pertanyaan itu diambil dari kitab-kitab bahasa Indonesia, yang dikatakannya, banyak berfaham Qadyani (kerana ia tidak sefaham dengannya). Ulama ini seolah-olah menepuk dada di khalayak ramai bahawasanya ialah sahaja seorang alim “yang berakhlak baik” dan di dalam petuanya tidak pernah membuka kitab padahal kalau orang pergi ke pejabatnya di atas mejanya bertimbun-timbun kitab-kitab Arab dan ada juga kadang-kadang buku-buku Inggeris. Apakah bezanya memeriksa buku-buku Arab itu dengan Indonesia kalau sama tujuannya, apalagi kalau yang demikian itu benar! Apakah orang sekarang mahu mendengar dan memakai semua perkataan orang kalau orang itu ada janggutnya panjang dan berserban sahaja dengan tidak mengukur apa yang dikatakannya? – *lā hawla wa lā quwwata illā bi Allāh!*

\* \* \*

Dalam masa Tahun Baharu Cina, kerajaan telah meluluskan masa-masa yang tertentu untuk membakar mercun tetapi pelanggaran-pelanggaran dibuat juga sedang polis tidak boleh berbuat apa-apa. “Peperangan” mercun berlaku dan akibat-akibat daripadanya banyak juga terjadi. Kanak-kanak kecil ketakutan tertamanya apabila mereka berjalan di jalan-jalan raya dengan keluarganya di dalam mana pemuda-pemuda Cina kerap kali melemparkan mercun kepada kelompokan yang berjalan

itu atau kepada kumpulan-kumpulan yang menunggu bas. Perbuatan ini disengaja oleh pemuda-pemuda itu dengan tidak memikirkan akibat yang terbit daripadanya – terutamanya ke atas kanak-kanak kecil itu. Selain daripada itu kerajaan hanya meluluskan mercun-mercun yang dibakar itu daripada ubatnya yang hitam sahaja tetapi kebanyakan yang ditembakkan didapati pula yang putih. Orang ramai bertanya di mana mereka dapat? Tentunya di kedai-kedai. Di mana kedai-kedai membeli jawabnya tentunya dari kedai-kedai besar yang membawa masuk barang-barang itu dari luar negeri. Bagaimana mereka boleh membawa masuk itu? Jawabnya tentu dengan kelulusan kastam! Bagaimana kerajaan menyuruh mengharamkan digunakan kalau kastam sendiri (kerajaan juga) menghalalkannya untuk dibawa masuk? Jawabnya tentu kerajaan sendiri akan memberinya!

\* \* \*

Suatu kongres membasmi pelacuran telah diadakan di Kuala Lumpur pada pertengahan bulan Februari yang lalu. Kongres ini diadakan ialah sesudah habis satu kongres yang lain iaitu Kongres Kebudayaan yang diadakan di Melaka dahulu. Kebanyakan daripada keputusan-keputusan kongres yang lalu hampir-hampir tidak terlaksana dan kerana itu keputusan daripada Kongres ini pun tentu akan menjadi lebih rumit lagi untuk dilaksanakan kerana terbitnya pelacuran itu bukannya daripada satu segi tetapi dari berbagai-bagai segi: Pecah hati, kerana penghidupan, kerana hawa nafsu dan banyak

lagi hal-hal yang menyebabkannya. Hendak dilakukan tegahan dengan keras akan menjadi satu perkara yang zalim jika tidak diselenggarakan kehidupan mereka; hendak di jalan undang-undang maka sesudah dihukum dikenakan pula mereka? Kerana itu maka sebaiknya-baiknya mencari jalan mengalirkannya lebih baik daripada mengadakan paksaan dan di sebalik itu, kerja yang besar sekali ialah mengajar mereka itu, semenjak dari kecilnya, dengan “ajaran agama Islam yang sebenar” supaya jangan mereka itu tersesat dan terbawa-bawa dengan kemahuan nafsunya.

\* \* \*

Apa itu “ajaran agama yang sebenar”? Sekarang telah timbul pula rupa mencari takrifnya. Takrif ini timbul, daripada apa yang tersiar di dalam akhbar, menyatakan bahawa kitab ibadat Rasulullah (SAW) karangan al-Ustadh Abu Bakar Al-Ash ‘arī itu ialah “menyalahi daripada ajaran agama yang sebenar di negeri ini”. Kalimah beliau ini memberi dua kesamaran: Yang pertama apa dia ajaran agama yang sebenar. Yang kedua: Apa bezanya ajaran Islam di negeri lain dengan ajaran Islam di negeri ini. Kedua-kedua soal ini patut diberi penjelasan – jika ajaran agama Islam di negeri ini dimaksudkan dengan ajaran mengikut pengertian (mazhab) al-Imam Shāfi ‘ī maka terbit pula pertanyaan atas pengertian yang mana pula yang mesti dipegang – pada *qawl jadīd* atau *qawl qadīm* – dan kepada pengertian fahaman-fahaman pengikut-pengikut beliau yang mana *qawl* mesti dipegang – Ramlī atau Ibn Hajar atau lainnya. Dan bagaimana pula pengertian tentang “agama-agama yang sebenar” itu?! Adakah orang-orang yang berpegang kepada pengertian *al-Qur’an* dan *al-Ḥadīth* serta ijmak sahabat seperti yang dipegang oleh pengikut-pengikut yang menamakan himpunan mereka dengan Ahli Sunnah itu tidak benar? Adakah mereka

semuanya itu bukan orang Islam kerana “tidak mengikut ajaran yang sebenar” di dalam erti kata yang dimaksud oleh pemegang mohor – itu? Jika itu, maka hendaklah mereka menerangkan dengan terang dan dengan dalil yang sah bahawa pengertian Ahli Sunnah yang demikian menyalahi iktikad Islam dan isytiharkan mereka keluar daripada Islam dan ajarannya diharamkan di negeri ini dengan kuat kuasa yang ada, seperti yang dibuat oleh kerajaan terhadap “Qadyani”. Kerana Mufti Johor selalu menyebut-nyebut bahawa pengertian orang-orang ahli Sunnah itu ialah “Qadyani” sedang beliau sendiri diminta bersemuka menentukan: Adakah mereka Qadyani atau penentang Qadyani yang ulung – beliau sendiri – hanya berani menulis sahaja – dan duduk di atas mejanya menulis terus membuat “fitnah” seperti yang pernah disebut oleh seorang penulis tatkala mencabar beliau berhadapan – bermuzakarah! Begitulah dunia, bung! Takut pengaruh hilang – buat ribut-ribut habis perkara – seperti Sukarno juga takut diketahui orang keadaannya memutar rakyat lalu membesar-besarkan masalah Irian Barat supaya mata rakyat tertumpu kepadanya – ini menurut pendapat sebahagian orang.

\* \* \*

- Sebuah akhbar tatkala membuka langkah baharunya berkata bahawa dasarnya sekarang ialah agama Islam, bangsa dan tanah air. Akhbar ini dahulu banyak membawa pengertian yang tersangat kiri. Kerana itu banyak orang bertanya: Apakah ia mahu “masuk Islam” atau pun sebagai langkah-langkah politik yang dibawa oleh komunis kalau orang masih kuat berpegang kepada Islam maka ia mengatakan bahawa ia orang yang taat kepada Islam supaya orang tidak kenal bahawa ia “musang berbulu ayam”. Untuk menyembunyikan coraknya. Kalau benar hal keadaannya

begini maka hendaklah orang berhati-hati – kata mereka. Keislamannya sama sahaja seperti “Islam” Abdullah ibn Ubayy yang dihalalkan Nabi darahnya.

\* \* \*

Dato’ Onn bin Jaafar, menurut berita akhbar tempatan telah menuduh Utusan Melayu sebagai “penyokong Kerajaan Perikatan”. Ringkasnya kata Dato’ itu akhbar itu suara kerajaan yang ada sekarang. Di lain muka akhbar itu hari itu juga menyiarkan surat berita bahawa kemenangan calon Parti Negara di Kuala Terengganu dengan membuat tajuk “Telah Lima Kali Kalah Baharu Sekali Ia Menang”. Apa itu Dato’ Onn sendiri tentu tersenyum membacanya dan orang ramai tentu masing-masing akan berkata: Tau sama tau sahajalah!

Nama beberapa orang wartawan-wartawan yang telah bekerja di lain tempat dan yang telah berjaya (mana-mana yang tidak berjaya ditinggalkan) disebut di dalam kata sambutan tatkala berada di tempat baharu yang di megah-megahkan itu sebagai orang-orang yang telah berkhidmat di dalam pejabatnya. Sebahagian wartawan-wartawan tertawa dan tersengih-sengih – bukannya kerana mereka suka nama mereka tersiar tetapi mereka teringat peristiwa di zaman yang lampau, zaman yang silam, bung! Mengapa mereka keluar dari tempat itu? Mereka tahu semuanya – ini seolah-olah, kata mereka, untuk menunjukkan kepada am bahawa mereka yang telah maju itu adalah “terdidik” oleh perusahaan yang dikelolanya itu. Tetapi apakah yang sebenarnya? Kalau wartawan-wartawan yang disebut namanya itu ditanya mereka hanya tertawa sahaja - sudahlah, kata mereka, tau sama tau jadilah!

\* \* \*

Untuk meracun perasaan ramai sebuah syarikat yang berhubung dengan orang ramai dan hidupnya bergantung

kepada “kudrat” orang ramai telah menyatakan bahawa ialah sahaja sebuah perusahaan yang banyak mempunyai ahli-ahli syer dan kerana itu ialah sahaja yang berhak “hidup” di dalam negeri ini dengan mengatakan bahawa ada perusahaan yang serupa itu yang dipunyai oleh hartawan-hartawan perseorangan yang menurut pengertian daripada apa yang dikatakan itu tidak mustahak untuk hidup. Kerana itu ia mengagung-agungkan kedudukannya yang menjadi suara ramai kerana dipunyai oleh ramai – sedang yang lain kerana maslahat sendiri. Orang yang berkata ini yang mengatakan “mengutamakan” agama Islam lupa kepada cara hidup orang Islam yang tidak membenarkan monopoli – hidup mau sendiri sahaja. Dan melupakan pula bahawa bagi orang Islam orang tidak memandang siapa yang mengatakannya tetapi yang dipandangnya apa yang dikatakannya – kalau ia menyebelahi komunis, orang tidak peduli adakah ia kepunyaan orang ramai atau bukan tetapi orang Islam tentunya tidak mahu dibawa jadi komunis atau dianjurkan supaya dimerahkan.

\* \* \*

Jemaah Bandaran Singapura telah pernah mengadakan mesyuaratnya sehingga menjelang jauh lepas tengah malam. Ini ialah kali yang pertama dalam sejarah Dewan itu berunding begitu sehingga ahli-ahlinya letih lesu dalam mesyuarat itu. Orang ramai berfikir, bagaimanakah mereka dapat berfikir betul di dalam permesyuaratan itu kalau sekiranya mereka telah lesu? Ada juga orang mengesyorkan kalau ahli-ahli Majlis Bandaraya itu hendak bermesyuarat lagi molek mereka mencari ubat jangan mengantuk supaya mereka terus boleh berjaga selama 24 jam kerana bermesyuarat kalau sudah mengantuk tidak ada satu pun yang akan masuk pada fikiran mereka. \* \* \*